

02/01/2003

Rakyat perlu fahami mesej tahun baru Dr Mahathir

KUALA TERENGGANU, Rabu - Semua pihak perlu menyokong usaha kerajaan mengekalkan kestabilan, keamanan dan kesejahteraan rakyat daripada digugat negara asing.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata ucapan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ketika menyampaikan perutusan sempena tahun baru adalah ketegasan dan amaran kerajaan kepada negara asing yang cuba mencabul kedaulatan negara ini.

Katanya, mesej Perdana Menteri itu bukannya bertujuan menaikkan semangat rakyat negara ini supaya melakukan keganasan kepada rakyat negara jiran, sebaliknya ia amaran keras ditujukan kepada pemimpin asing.

"Kerajaan sedar, semangat rakyat negara ini terutamanya rakyat Johor mulai bangkit dengan keangkuhan ditunjukkan Singapura yang enggan berkompromi menyelesaikan beberapa isu termasuk air dan yang terbaru membabitkan tuntutan Pulau Batu Putih," katanya ketika mengadakan perjumpaan dengan pemimpin Umno Bahagian Kuala Terengganu di sini, hari ini.

Syed Hamid berkata demikian ketika menjawab soalan dikemukakan seorang ahli jawatankuasa Umno Bahagian Kuala Terengganu, Mohd Sabri Muda mengenai mesej Dr Mahathir ketika menyampaikan perutusan sempena Tahun Baru 2003 malam tadi.

Hadir sama pada majlis itu ialah Ketua Umno Bahagian Kuala Terengganu, Datuk Roslan Awang Chik.

Dr Mahathir dalam perutusan sempena tahun 2003 berkata, sudah ada negara yang bongkak dengan mendakwa mereka berhak untuk mengambil tindakan seumpama itu yang membabitkan Malaysia.

"Kita berjanji jika ada sesiapa mencabul kebebasan negara kita dengan tindakan pre-emptive (awalan) atau forward defence (pertahanan hadapan) mereka akan dapat apa yang disebut oleh Mat Saleh sebagai a bloody nose (padah).

Syed Hamid berkata, peperangan seperti disarankan sebahagian rakyat negara ini bukanlah jalan penyelesaian terbaik, sebaliknya kerajaan mempunyai cara tersendiri bagi menyelesaikan konflik yang berlaku.

"Kerajaan sedar sebahagian rakyat negara ini mendakwa peralatan persenjataan dimiliki Angkatan Tentera Malaysia (ATM) tidak mampu untuk melakukan serangan menyebabkan kerajaan terlalu berlembut untuk menyelesaikan konflik yang berlaku," katanya.

Bagaimanapun, Syed Hamid berkata, kerajaan mempunyai perancangan lebih baik untuk menyelesaikan masalah di antara kedua-dua negara dan bukannya melalui peperangan.

Sementara itu, Naib Presiden Pas, Datuk Mustafa Ali, berkata Pas akan sentiasa bersama dalam menegakkan keamanan, kedaulatan negara daripada sebarang ancaman musuh.

Beliau berkata, menjadi kewajipan semua rakyat negara ini, tanpa mengira perbezaan fahaman politik mempertahankan kedaulatan dan keamanan negara.

"Saya menghormati ketegasan Perdana Menteri yang memberi amaran keras terhadap sesiapa yang mencabul kebebasan negara ini dengan tindakan awalan atau pertahanan hadapan," katanya.

Mustafa yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Ekonomi, Petroleum, Perindustrian dan Sumber Manusia negeri juga menganggap tindakan Singapura itu sebagai biadab dan tidak patut dilakukan sebuah negara berjiran.